

25 MAR 1997

Hawke-Mahathir

BEKAS PEMIMPIN AUSTRALIA MEMUJI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Australia Bob Hawke, yang pernah mencetuskan perbalahan diplomatik dengan Malaysia hari ini memuji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kejayaan beliau menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang makmur.

"Sejak 16 tahun beliau memegang jawatan tertinggi itu, Malaysia menyaksikan perubahan," kata beliau kepada para hadirin semasa pelancaran projek perumahan eksklusif Jade San Lembah Jati, oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, di sini.

"Bagi rekod, Perdana Menteri anda dan saya pernah mempunyai beberapa perbezaan pendapat dalam tempoh itu, saya mahu menyatakan dengan kriteria objektif, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mesti disenaraikan sebagai antara pemimpin cemerlang di dunia hari ini."

Bob kini merupakan pemimpin World Pitch & Putt Corporation Inc. (WPPCI), sebuah syarikat Kanada yang memegang francais dunia bagi padang-padang golf World Pitch & Putt.

Syarikat itu telah membentuk perkongsian dengan Jade San Realty Sdn Bhd, iaitu pemaju tempatan projek perumahan itu untuk membina padang golf World Pitch & Putt (Malaysia) Sdn Bhd (WPPM).

Hawke berkata, Malaysia dengan sebuah masyarakat yang pernah dikenali kerana ketegangan kaum kini menunjukkan toleransi yang tinggi dengan setiap elemen saling memperkukuhkan kebolehan yang lain untuk memajukan kepentingan negara secara keseluruhannya, kata beliau.

Dan suara Malaysia - yang dahulunya tidak diambil perhatian - kini dinyatakan dengan lantang dan didengar dengan penuh hormat di rantau ini dan juga di luar rantau, kata beliau.

Hawke pernah menimbulkan perbalahan diplomatik apabila beliau menyatakan perbuatan mengantung dua rakyat Australia iaitu Kevin Barlow and Brian Chambers pada 1986 sebagai "perbuatan kejam".

Bagaimanapun, Dr Mahathir menjawab: "Itu pendapatnya. Saya tidak berminat".

-- BERNAMA

YBK PR